



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	12/8/2018	MUKA SURAT	: 23
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

[FOTO NAZIRUL ROSELAN/BH]



Zulfahami bersama Nino di Pusat Konservasi Hidupan Liar Seladang, Jenderak Selatan, Kuala Krau.

## Penjaga seladang lali kena sondol

➔ Petugas PERHILITAN guna cara belaian, manjakan haiwan pusat konservasi

Oleh Nazirul Roselan  
cnews@nstp.com.my

■ Temerloh

“**S**ejak kecil lagi saya selalu datang ke sini (Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Seladang di FELDA Jenderak Selatan, Kuala Krau) untuk tengok seladang, akhirnya saya turut bekerja di sini untuk menjaga haiwan itu,” kata Zulfahami Kamaruddin, 43.

Zulfahami antara Pembantu Awam Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang ditugaskan di Unit Pengurusan Seladang di PKHL sejak 20 tahun lalu.

Katanya, kedudukan rumahnya yang terletak bersebelahan pusat berkenaan membolehkannya me-

lihat haiwan itu lebih dekat hampir setiap hari selepas pulang dari sekolah.

“Saya suka tengok seladang kerana ia haiwan unik, sekarang saya pula bekerja di sini melihat, menjaga dan menjinakkannya malah bergurau dengan seladang,” katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

Katanya, seladang jantan bernama ‘Nino’ dan seladang betina bernama ‘Awani’ adalah dua haiwan di bawah jagaannya selepas dilahirkan di pusat itu pada 2002 dan ia kini menjadi antara induk untuk pembiakan.

### Jinak haiwan sejak kecil lagi

“Saya menjinakkannya sejak kecil lagi, sudah menjadi perkara biasa disondol Nino serta Awani kerana itu hanya gurauan bagi haiwan itu, tetapi orang luar tengok mungkin ganas.

“Seladang manja bukan dengan semua orang dan hanya dengan orang tertentu saja bergantung pada cara belaian, setakat ini saya belum lagi cedera serius sepanjang menjaganya di pusat ini,” katanya.

Dalam pada itu, Zulfahami berkata, seladang di situ akan diberikan makanan, iaitu daun meng-

kirai serta rumput pada sebelah pagi, manakala dedak pada sebelah petang dan beratnya boleh mencecah hingga 100 kilogram (kg).

Katanya, kerjaya sebagai penjaga seladang adalah pengalaman bermakna buat dirinya dan dia sebenarnya tidak pernah terfikir bergelumang dalam dunia haiwan liar itu yang kian pupus di negara ini.

“Pelbagai pengalaman saya hadapi dan tugas saya bukan hanya di sini, tetapi turut berada di dalam hutan dalam proses pencarian spesies ini, ia sukar hendak ditemui kerana bilangannya semakin berkurangan,” katanya.

Sementara itu, Ketua PKHL Muhammad Idham Sahiron, berkata objektif pusat itu adalah meningkatkan populasi haiwan berkenaan dengan menjalankan pembiakan dalam kurungan selain dipindahkan ke lokasi lain bagi tujuan pemeliharaan.

“Ia semakin berkurangan kerana menjadi buruan pemburu haram yang menganggapnya sebagai satu kebanggaan atau piala apabila berjaya mendapatkannya, bukan dagingnya menjadi pilihan, tetapi kepala serta tanduk untuk dijadikan perhiasan,” katanya.

## ➔ INSPIRASI

Info

### Pusat Konservasi Hidupan Liar Seladang

➔ Terletak di FELDA Jenderak Selatan, Kuala Krau iaitu 60 kilometer dari bandar Temerloh.  
➔ Ia berkeluasan 15 hektar dan menempatkan 26 ekor induk seladang  
➔ Pusat itu mula beroperasi pada 1982 dan pernah menghasilkan 172 ekor seladang, 28

daripadanya ditempatkan di Zoo Negara, Zoo Melaka, Istana Kelantan dan PKHL Seladang di Sungkai, Perak dan Gua Musang, Kelantan.  
➔ Sebahagian daripadanya turut dilepaskan ke Kompleks Rizab Hidupan Liar Taman Negara dan hutan simpan.



Muhammad Idham mahukan meningkatkan populasi seladang di PKHL.